

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG [KAMPAR]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan usaha-usaha yang dijalankan untuk memelihara sungai-sungai di dalam negara kita. Nyatakan hasil penyiasatan dan tindakan yang telah diambil atas kejadian pencemaran Sungai Kim Kim dan langkah-langkah untuk memastikan insiden tersebut tidak berulang lagi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Bagi memelihara sungai-sungai di dalam negara, kerajaan mengambil pendekatan menyeluruh melibatkan semua pihak, sepetimana yang sering disebutkan pemuliharaan alam sekitar adalah tanggungjawab kita bersama. Antara usaha yang dilakukan adalah seperti berikut :-

- i) Bermula dengan kesedaran, program-program kesedaran seperti Rakan Alam Sekitar (RAS) dibentuk bagi meningkatkan kesedaran dan menggerakkan anggota masyarakat di setiap kawasan Parlimen dalam aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar serta membantu membanteras kegiatan-kegiatan yang merosakkan dan mencemarkan alam

sekitar telah dilaksanakan. Program bagi melibatkan pihak media juga adalah penting dalam menyebarkan kesedaran kepada umum mengenai kepentingan penjagaan sungai.

- ii) Di peringkat perancangan pembangunan, kawalan pembangunan diselaraskan dengan keperluan kelestarian alam sekitar. Projek-projek yang tertakluk kepada Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015, perlu menjalankan kajian Penilaian Impak Kepada Alam Sekitar (EIA), manakala projek yang tidak tertakluk kepada EIA, nasihat diberikan supaya keperluan alam sekitar diambil kira dalam pembangunan.
- iii) Sementara program penguatkuasaan bagi mengawal pencemaran sungai dan mencegah pencemaran ke atas sungai-sungai yang bersih dijalankan oleh agensi persekutuan, negeri dan tempatan yang berkenaan seperti Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Majlis-Majils Bandaraya /Perbandaran dan sebagainya.

2. Siasatan kes insiden pelupusan haram bahan berbahaya di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang, Johor diketuai oleh Polis DiRaja Malaysia (PDRM) bersepada dengan JAS Negeri Johor di bawah peruntukan undang-undang Seksyen 34B, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Sejumlah 60 pertuduhan difailkan dengan 15 pertuduhan setiap bagi setiap kesalahan ke atas ke atas pemandu lori yang melakukan pelupusan haram, dua (2) orang Pengarah Urusan Premis dan Premis yang dikenalpasti penjana bahan buangan berbahaya yang dilupuskan secara haram tersebut.

Orang kena tuduh telah mengemukakan representasi kepada Jabatan Peguam Negara Mahkamah namun telah ditolak dan Mahkamah menetapkan tarikh perbicaraan iaitu pada 16 dan 17 Oktober 2019 diikuti 3 hingga 5 Disember 2019.

Sekian, terima kasih.